

PM: Hanya pengganas lakukan jenayah di AS diserahkan kepada FBI

UM 25 SEP 2001

SARIKEI 24 Sept. — Malaysia hanya akan menyerahkan mereka yang disyaki pengganas kepada Biro Siasatan Persekutuan (FBI) Amerika Syarikat jika individu terbabit telah melakukan perbuatan jenayah di negara tersebut.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, bagaimanapun jika jenayah itu dilakukan di negara ini adalah menjadi tanggungjawab pihak berkuasa Malaysia untuk menangani sendiri penjenayah terbabit.

“Kalau dia buat salah di Amerika Syarikat (AS), kita hantar mereka ke sana. Kalau dia buat salah di Malaysia, itu tanggungjawab kita.

“Kita tidak melindungi pengganas dan jika mereka pengganas, kita akan masukkan mere-

ka ke dalam tahanan,” katanya kepada pemberita selepas majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Kampung Semop, Pulau Bruit di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan FBI Jumaat lalu seperti dipetik oleh laporan akhbar di Syria, yang meletakkan Malaysia antara sembilan negara Islam yang diminta menyerahkan beratus-ratus orang yang disyaki ‘pengganas’.

Selain Malaysia, negara Islam yang diminta berbuat demikian adalah Afghanistan, Mesir, Iran, Lebanon, Arab Saudi, Syria, Amiriah Arab Bersatu dan Yemen.

Menurut akhbar itu, negara-negara Islam yang gagal menyerahkan pengganas akan menerima padah daripada AS.

Sebelum itu, AS juga meletak-

kan Malaysia antara negara-negara Islam yang pelaut dan kelasi kapalnya tidak dibenarkan berlabuh di mana-mana pelabuhan di negara berkenaan ekoran daripada serangan di New York dan Washington itu.

● Komen PM mengenai DAP keluar pakatan — Muka 2

Terdahulu dalam ucapannya pada majlis itu, Dr. Mahathir berkata, sebelum ini apabila kerajaan memasukkan mereka yang dipercayai penjenayah tanpa dibicarakan ke dalam tahanan, tindakan itu dikecam hebat oleh pihak tertentu.

“Dulu, orang mengadu fasal apa kita ambil tindakan tidak bawakan pergi bicara, tetapi sekarang orang lain pun buat macam itu. Hari ini, orang yang kecam kita itu mengambil tindakan keras terhadap orang yang disangkakan pengganas,” katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan mengakui serangan ganas ke atas New York dan Washington di Amerika Syarikat baru-baru ini adalah satu keganasan dan pengganas terbabit harus diburu untuk dibawa ke muka pengadilan.

Bagaimanapun, jika sesebuah negara diserang hanya kerana ia disyaki menjadi sarang pengganas, tindakan itu hanya akan mengakibatkan ramai rakyat yang tidak berdosa terkorban.

“Orang yang tidak berdosa akan menjadi sasaran dan mungkin ramai yang menjadi mangsa peperangan.

“Saya berdoa ia (peperangan) tidak berlaku kerana ramai yang tidak bersalah akan menjadi mangsa,” katanya.

■ Lihat muka 4

PM: Hanya pengganas lakukan jenayah di AS diserahkan kepada FBI

Sementara itu, pada sidang akhbar lain selepas mengadakan perjumpaan tertutup dengan pemimpin dan calon Barisan Nasional (BN) di Kuching, hari ini, Perdana Menteri berkata, Malaysia bersedia memban-

tu AS memerangi aktiviti pengganas termasuk memberikan semua maklumat mengenai kegiatan mereka sekiranya diminta.

Bagaimanapun, beliau mengulangi pendirian Malaysia yang tidak akan menyokong tindakan ketenteraan ke atas mereka yang tidak bersalah.

Ditanya sama ada Malaysia akan membuat sebarang bantahan rasmi terhadap tuduhan FBI terhadap Malaysia, Dr. Mahathir berkata, kerajaan tidak akan berbuat demikian.